

Rumus bahasa dalam kosa kata slanga

ABSTRAK

Pembangunan blog dalam dunia siber berkembang dengan pesat seterusnya mempengaruhi perkembangan bahasa. Perbezaan penggunaan bahasa telah mewujudkan jurang generasi (Ramaa Prasad, 1992). Hal ini disebabkan penggunaan bahasa yang berbeza telah menyukarkan komunikasi. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan kosa kata slanga yang digunakan di dalam blog dan mencadangkan rumus pembentukan kosa kata slanga berdasarkan teori morfologi generatif. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap blog. Data bahasa slanga diperoleh daripada korpus blog yang berjumlah 57, 532 kata dengan menggunakan program Textstat. Data kajian dianalisis menurut kerangka teori morfologi generatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga jenis proses pembentukan perkataan iaitu (1) pengimbuhan, (2) akronim, dan (3) penggandaan. Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan dari aspek normalisasi teks bagi membangunkan perisian dalam bidang IT untuk tujuan mengesan jenayah, salah laku atau perkara negatif yang berlaku di dalam media sosial.

Keyword: Kosa kata slanga; Laman blog; Pembentukan kosa kata; Rumus morfologi generatif